

Kegemilangan Kelab Sultan Sulaiman dikembalikan

um - 21/7/2007.

PUTRAJAYA 20 Julai - Kabinet telah meluluskan cadangan mengembalikan kegemilangan Kelab Sultan Sulaiman, yang merupakan simbol nasionalisme Melayu, di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Zulhasnan Rafique berkata, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bersedia untuk mengetuai usaha mengembalikan kehebatan kelab itu, termasuk penambahbaikan bahagian hadapan bangunan itu.

Beliau berkata, walaupun kelab itu ter-

letak di pusat bandar Kuala Lumpur, bangunan dan tanah adalah milik Kerajaan Selangor.

"Kabinet membuat keputusan Rabu lepas untuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan membincangkan perkara itu dengan kerajaan negeri, bukan hanya mengenai menambahbaik bahagian hadapan bangunan tetapi ciri-ciri lain juga," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Festival Bunga dan Taman Putrajaya 2007 (Putrajaya Floria 2007) di sini hari ini.

Ketika ditanya sama ada terdapat peruntukan khas untuk melaksanakannya, Zulhasnan berkata: "Pada masa ini, biarlah mereka berbincang dahulu dan jika ada keperluan untuk menambah peruntukan, kita akan melihat perkara itu."

Kelab Sultan Sulaiman adalah kelab orang Melayu tertua dan yang terkemuka di negara ini pada satu ketika dahulu.

Sejak ditubuhkan pada 1909, ia menyaksikan pelbagai peristiwa penting yang kini tercatat dalam lipatan sejarah negara.

- Bernama